

17/10/1997

Belanjawan 1998 penstabil kekukuhan ekonomi negara

Abdurrahman Haqqi

KETIKA berucap sempena sambutan 10 tahun Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dua minggu lalu di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan kembali sekelumit kisah mimpi Raja Mesir mengenai tujuh ekor lembu kurus yang memakan tujuh ekor lembu gemuk yang berlaku pada zaman Nabi Yusuf. Konsep ini diperkenalkan tiga tahun lalu dalam Belanjawan 1995.

Dalam ucapan yang menyejukkan hati yang sedang resah akhir-akhir ini, Anwar mendedahkan bagaimana konsep prapembayaran yang dilakukan kerajaan selama ini sedikit sebanyak membantu mengimbangi keadaan ekonomi negara sekarang. Konsep ini diilhami daripada kejituan rancangan penyelamat Nabi Yusuf ketika krisis ekonomi melanda Mesir beberapa ribu tahun lalu. Jika tidak, tak tahulah apa yang akan terjadi kepada negara dalam menghadapi krisis. Alhamdulillah, Allah masih menyelamatkan kita.

Kisah Nabi Yusuf dalam al-Quran adalah satu kisah kenabian yang lain daripada yang lain. Jika dalam kisah nabi lain, persengketaan antara kaum mukmin dan kafir dalam menegakkan yang hak dan merobohkan yang batil sangat menonjol, kisah Nabi Yusuf adalah kisah satu masyarakat beriman - individu, keluarga dan kelompok - yang tidak disibukkan dengan peperangan. Yang ada adalah masyarakat damai, aman dan sentosa yang hanya diterpa pertelingkahan tingkah laku warganya.

Alkisah, pada satu malam, Raja Mesir ketika itu bermimpi melihat ada tujuh ekor lembu gemuk yang dimakan tujuh ekor lembu kurus dan melihat tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Apabila ditanyakan kepada ketua kaum yang terkenal sebagai pembaca mimpi, mereka mengangkat bahu dan berkata ia adalah mimpi yang bercampur aduk dan mereka bukanlah orang yang mengetahui mimpi (yang sedemikian) itu (baca Surah Yusuf: 43-44).

Selepas terjadi perbincangan di kalangan mereka maka ditanyakanlah maksud mimpi itu kepada Yusuf yang masih berada dalam penjara. Beliau menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah ia pada tangkai kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau panjang, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya, kecuali sedikit daripada apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)." (QS Yusuf: 47-49).

Raja dan Kerajaan Mesir kemudian melaksanakan apa yang disarankan Yusuf bahkan Raja mengangkatnya sebagai Menteri Ekonomi atas permintaan Yusuf sendiri (QS Yusuf: 55). Maka, terselamatlah Mesir daripada bencana kebuluran dan kegoyahan ekonomi yang mengerikan malahan ia boleh membantu negara di sekitarnya seperti Kan'an atau Palestin dan Syam sekarang. Cerita ayah dan saudara Yusuf adalah buktinya (QS Yusuf:58-68) seperti dikisahkan Ibn Katsir (wafat 774H) dalam dua kitab besarnya iaitu Tafsir al-Quran al-'Azim dan al-Bidayah wa an-Nihayah.

Dalam menghadapi sebarang kesulitan, umat Islam diwajibkan merujuk kepada pakar agar mereka boleh mencari jalan keluar daripada kesulitan berkenaan. Mereka tidak boleh panik dan bertindak melulu yang mungkin akan lebih menyulitkan keadaan dan menjejaskan penemuan jalan penyelesaian yang berkesan. Apatah lagi jika mereka bertindak menentang pentadbiran negara

yang pasti akan menguntungkan lagi pihak yang menginginkan kejatuhan negara dan menjadikan mereka di bawah penjajahan model baru dalam bentuk liberalisasi ekonomi.

Raja Mesir merujuk kepada ketua kaum dan mereka pula merujuk kepada Nabi Yusuf dan pada beliaulah ditemui penyelesaian. Konsep ini juga ditegaskan al-Quran dalam sebuah ayatnya yang bermaksud: "Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus menghebahkan padahal kalau mereka kembalikan saja hal itu kepada Rasulullah dan kepada uli'l-amri (orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka, dan jikalau tidak kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihan-Nya kepada kamu, tentulah kamu (terbabas) menurut syaitan kecuali sedikit saja (iaitu orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu)." (QS an-Nisa: 83).

Satu hari, Madinah dilanda isu yang mengejutkan. Ada berita yang menyatakan Rasulullah menceraikan semua isterinya. Hampir semua penduduk Madinah termakan isu berkenaan. Umar terperanjat dan beliau terus bertanya kepada Nabi yang kemudian dinafikan oleh baginda. Andainya isu itu benar, sememangnya akan menjejaskan kestabilan Madinah. Kerana rahmat dan kurnia Allah maka ayat di atas diturunkan (HR Bukhari dan Muslim) agar umat Islam selalu berhati-hati dan tidak bertindak melulu sebelum dirujuk sesuatu perkara yang menimpa mereka kepada pihak berkuasa yang akan mengistinbat atau mencari cara penyelesaian yang tepat, sesuai dan berkesan.

Belanjawan 98 yang dibentangkan Anwar hari ini adalah salah satu perealisasikan amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar rakyat tidak gelabah dan panik dalam menghadapi krisis ekonomi yang sedang dihadapi negara sekarang. Oleh itu, Belanjawan 98 akan menjadi penstabil kukuh ekonomi negara yang sudah berlangsung selama satu dekad kerana ia adalah hasil pemikiran pakar negara.

Seluruh rakyat diminta mematuhi langkah kebijaksanaan negara dalam belanjawan penstabil ini. Maka, dengan itu mereka mencontohi kisah Nabi Yusuf dan juga melaksanakan perintah Allah dalam surah an-Nisa di atas. Sememangnya, benarlah al-Quran dengan ayatnya yang bermaksud: "Demi sesungguhnya, kisah nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah nabi yang terkandung dalam al-Quran) bukanlah cerita yang diadakan-adakan, tetapi ia mengisahkan apa yang tersebut di dalam kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman." (QS Yusuf: 111)

(END)